

158994

4000009017

HADIAH



KESAN INOKULASI *RHIZOBIUM* DAN MIKORIZA KE ATAS PEMBINTILAN
DAN PENGHASILAN KACANG SOYA
(*Glycine max (L.) Merrill*) var AGS58.

WAN MUSTAQIMAH BT MOHD MAZUKY

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS DENGAN KEPUJIAN

PROGRAM TEKNOLOGI TUMBUHAN
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

APRIL 2006

ABSTRAK

Kajian ini telah dilakukan di Makmal Ladang, Universiti Malaysia Sabah untuk menilai kesan inokulasi *Rhizobium*, vesikel arbuskular mikoriza dan gabungan *Rhizobium* dengan mikoriza ke atas pembintilan dan penghasilan biji kacang soya. Enam jenis rawatan digunakan dalam eksperimen ini termasuk satu kawalan tanpa inokulasi *Rhizobium* dan mikoriza yang mana setiap rawatan mempunyai empat replikasi dan disusun dalam Rekabentuk rawak lengkap (CRD). Rawatan digunakan ialah inokulasi *Rhizobium* dengan kadar disyorkan (satu kali ganda), dua atau rawatan tiga kali ganda, 20g mikoriza sahaja dan 20g mikoriza + *Rhizobium* (1 kali ganda). Penentuan kesan inokulasi-inokulasi adalah berdasarkan berat kering bintil, akar, daun, batang, lenggai dan hasil biji. Inokulasi dengan *Rhizobium*, vesikel arbuskular mikoriza dan gabungan *Rhizobium* dan tidak menunjukkan kesan yang ketara terhadap tumbesaran bahagian akar, pengeluaran daun dan penghasilan lenggai dan biji melainkan peningkatan pembintilan akar yang terhasil kesan inokulasi gabungan *Rhizobium* dengan mikoriza. Kacang soya yang diinokulasikan dengan 3 kali ganda *Rhizobium* menghasilkan perbezaan min yang tinggi berbanding rawatan lain dari segi berat kering daun (5.71g/pokok), berat kering akar (3.44 g/pokok), berat kering lenggai (15.2g/pokok) dan hasil biji (3.59g/pokok)